

Tahap Penguasaan Penggunaan Kata Kerja dalam kalangan Pelajar di Tingkatan Empat Sekolah Berasrama Penuh

Level of Mastery in Using Verbs Among Form Four Full Boarding Schools Students

Annuar Khisham Isa

annuarkhisham@yahoo.com

Zaitul Azma Zainon Hamzah,

zazh@upm.edu.my

Sharil Nizam Sha'ri,

sharil@upm.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, MALAYSIA

Received: 06 January 2021; **Accepted:** 28 April 2021; **Published:** 31 May 2021

To cite this article (APA): Isa, A. K., Hamzah, Z. A. Z., & Sha'ri, S. N. (2021). Tahap Penguasaan Penggunaan Kata Kerja dalam kalangan Pelajar di Tingkatan Empat Sekolah Berasrama Penuh. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 90-104. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.7.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.7.2021>

ABSTRAK

Satu cabang daripada linguistik umum yang menerangkan peraturan-peraturan atau hukum sesuatu bahasa ialah tatabahasa. Penggabungan kata-kata untuk menghasilkan bunyi dan frasa adalah dua bentuk, iaitu morfologi dan sintaksis. Penguasaan tatabahasa memainkan peranan penting dalam PdP guru dan pelajar berupaya menguasainya dalam ilmu linguistik bidang huraian hingga ke peringkat ayat. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan penggunaan kata kerja dan menganalisis penguasaan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar. Responden yang terlibat adalah seramai 100 orang pelajar tingkatan empat sekolah menengah berasrama penuh. Kaedah kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dengan menganalisis dapatan ujian tatabahasa yang telah diedarkan kepada pelajar. Dapatan kajian dianalisis menggunakan bantuan perisian SPSS versi 26.0 dan dianalisis menggunakan penentuan ujian skor min bagi mengetahui tahap tinggi, sederhana dan rendah pengukuran markah pelajar. Pengkaji mengumpul data menerusi sampel kajian, iaitu secara rawak mudah. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif melalui nilai skor mod, skor median, frekuensi dan peratusan. Melalui dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat tahap penguasaan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar yang dapat mengatasi masalah penggunaan kata kerja. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa terdapat tahap penguasaan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar, jenis-jenis kesilapan penggunaan kata kerja yang kerap dilakukan oleh pelajar. Melalui pengujian yang dijalankan ujian deskriptif, penguasaan penggunaan kata kerja pelajar berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan kata kerja mempunyai potensi yang baik dan menjadi pengukuran penguasaan pengajaran dan pembelajaran tatabahasa.

Kata Kunci: Tatabahasa, Penguasaan, Kata Kerja, Pengajaran dan Pembelajaran

ABSTRACT

A branch of general linguistics that describes the rules or laws of a language is grammar. The combination of words to produce sounds and phrases is of two forms, namely morphology and syntax. Grammar mastery plays an important role in the Teaching and Learning (TnL) process and enables students to master it in the field of descriptive linguistics up to the sentence level. This study aims to examine the level of mastery in using verbs and analyze the mastery of using verbs among students. This research method uses a quantitative study design

by analyzing the findings of grammar tests that have been distributed to students. Respondents involved were 100 Form Four full boarding secondary school students. The data of the study were analyzed using SPSS software assistance and analyzed using high, medium and low level determination of students marks. The data was collected from random sampling. The data was analyzed descriptively through mode score value, median score, frequency and percentage. By analyzing the findings, it indicated a level of mastery using verbs among students that can overcome the problem of using verbs. The findings revealed that the level of mastery is at a high level. Therefore, this study shows that the level of verb mastery is potentially good and obtain a high measurement of verb mastery.

Keyword : Grammar, Mastery, Verbs, Teaching and Learning

PENGENALAN

Secara umumnya, tatabahasa bahasa Melayu mencakupi dua bidang dalam penggunaan bahasa iaitu; morfologi dan sintaksis. Morfologi adalah satu kajian tentang kata dan pembentukan kata, kelas kata dan imbuhan manakala sintaksis adalah kajian tentang pembentukan ayat. Dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, terdapat kurikulum kebangsaan yang memenuhi keperluan pengajaran seperti penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), berusaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum untuk membantu mengenal pasti kebolehan murid dan ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid. DSKP telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

DSKP Bahasa Melayu memberi penekanan kepada keupayaan murid mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta dalam aktiviti pembelajaran bagi membolehkan murid menguasai kemahiran abad ke-21. Pedagogi menekankan kepada pembelajaran mendalam melalui pembelajaran berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) seperti pendekatan inkuiri, penyelesaian berasaskan masalah, pembelajaran kolaboratif dan sebagainya. Kurikulum Bahasa Melayu menggunakan pendekatan berbentuk modular dan pembelajaran didik hibur serta pentaksiran secara holistik dan berterusan bagi mencungkil potensi murid untuk meneroka pelbagai bidang ilmu pengetahuan, memperkembangkan dan menilai keupayaan penguasaan kemahiran berbahasa dengan mempamerkan keterampilan dan kecekapan berbahasa.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial. Terdapat dalam komponen kesembilan yang menyatakan bahawa memahami dan menggunakan tatabahasa bagi tujuan lisan dan penulisan dengan betul dan tepat mengikut konteks. Selain itu, kemahiran berbahasa dalam Kurikulum Standard Bahasa Melayu distrukturkan kepada lima modul iaitu modul kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, menulis, aspek seni bahasa dan tatabahasa.

Tumpuan pengajaran bukan sekadar memberi maklumat pengajaran dan pembelajaran (PdP) malah perlu disertai dengan aktiviti yang menggalakkan interaksi dua hala di antara guru dan murid (Zarien Nurlieyana Aminuddin, Azhar Md Sabil dan Abd Rasid Jamian, 2019). Penguasaan tatabahasa juga membantu murid berkomunikasi menggunakan sistem bahasa serta menghasilkan penulisan yang berkualiti, kritis dan kreatif. Pendekatan modular bermaksud memecahkan kemahiran kepada unit-unit kecil iaitu dalam bentuk bidang, tajuk, kemahiran atau nilai. Kurikulum Bahasa Melayu distrukturkan kepada empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Aspek seni bahasa dan tatabahasa menyokong kemahiran tersebut untuk mengukuhkan kecekapan keterampilan berbahasa. Melalui pendekatan ini, setiap kemahiran dapat dilaksanakan dengan lebih berfokus dan mudah dikuasai oleh murid (KPM, 2018).

Pembentukan kata merujuk kepada proses atau cara bagaimana sesuatu kata itu dicipta dan dibentuk. Hal ini bererti penciptaan kata dapat diilustrasikan melalui mikro-sistem pembentukan kata terbitan. Leksem kata nama atau adjektif mahupun kata kerja itu sendiri bergabung bersama morfem yang berkaitan untuk menghasilkan kata kerja terbitan. Pengilustrasian pembentukan kata kerja berimbuhan melalui mikro-sistem bukan sahaja merupakan satu alat untuk mudah memahami proses berlakunya pengimbuhan dan fungsinya, malah ianya boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa (Mohd Nor Azan Abdullah, Musirin Mosin, 2017).

PENYATAAN MASALAH

Dalam masyarakat hari ini, berlakunya kekurangan fahaman penggunaan tatabahasa sehingga menyukarkan perbezaaan kata yang hendak digunakan mengikut konteks dan situasi. Tambahan pula, kata kerja sebagai satu golongan kata yang boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama, iaitu kata kerja tak transitif dan kata kerja transisitif. Sesetengah pengguna bahasa menghadapi masalah untuk mengenali kata kerja transitif (KKT). Pengguna juga didapati kurang memahami ciri-ciri khusus kata kerja tersebut (Mohd Ramsul, 2018). faktor kekeliruan bahasa yang disebutkan itu, Zaharani Ahmad (2007) pula menyatakan bahawa kekeliruan dalam penggunaan bahasa berpunca daripada percanggahan antara nahu pegangan yang bersifat preskriptif yang diajarkan di sekolah dengan nahu praktis yang diperoleh melalui pengalaman dan pengetahuan penutur sendiri. Menurut Zaharani Ahmad (2007), nahu praktis ialah nahu yang mencerminkan penggunaan sebenar bahasa dalam masyarakat seperti yang terhimpun di dalam korpus bahasa. Apabila berlaku percanggahan antara rumus tatabahasa dengan nahu praktis.

Banyak kajian telah dilakukan dalam menganalisis kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar. Namun, kebanyakan kajian hanya menumpukan kesalahan bahasa dalam kalangan penutur jati. Sebagai contoh, kajian Analisis Kesalahan Bahasa oleh Nor Asmah (2009), Mohd Shahril (1996), Muhammad Salehudin (1993) dan Md. Daud (1992) terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dalam kalangan pelajar sekolah menengah, Zaliza Mohd Nasir (2017), mengkaji kesalahan tatabahasa dalam karangan pelajar. Namun, kurang dikaji keseluruhan melihat kepada pencapaian pelajar aspek tatabahasa murid tahap 2 di sekolah menengah terutamanya tingkatan 4. Kajian ini dilaksanakan untuk mengupas lebih lanjut penguasaan tatabahasa di sekolah.

Selain itu, setiap kemahiran diajar secara berfokus dalam sesuatu PdP menekankan aspek tatabahasa. Aspek tatabahasa perlu menyokong kemahiran bahasa untuk mengukuhkan kecekapan keterampilan berbahasa. Pelajar sering kali keliru dengan bentuk kata kerja yang pelbagai berdasarkan subjek dan kala, melakukan penambahan kata kerja yang tidak perlu, mengurangkan kata kerja yang perlu, pemilihan kata kerja yang salah dan melakukan terjemahan yang tidak tepat (Haji Mohd Nor, Mariyati and Md. Salleh, Norhana and Baharum, Hasrina, 2017). Malah, Kelemahan dikesan dalam bentuk morfologi, sintaksis dan pilihan kata, yang kadangkala menimbulkan kekeliruan dan menyebabkan maklumat tidak dapat diterima dengan baik.

Seterusnya, Penggunaan bahasa yang menyimpang daripada peraturan yang telah ditetapkan dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kesilapan, kesalahan dan lupaan sementara (Juriah Long *et al.*, 1989). Mengikut Zaliza Mohd Nasir (2017) menyatakan kesilapan dimaksudkan kepada bentuk-bentuk penuturan yang menyalahi tatabahasa atau struktur sesuatu bahasa dan kesilapan ini timbul akibat daripada ketidaksempurnaan penguasaan penutur terhadap sistem bahasa itu. Penggunaan bahasa yang menyalahi ciri-ciri ketatusuisilaan bahasa yang telah ditetapkan secara konvensional oleh masyarakat penutur sesuatu bahasa itu. Ketidakcekapan penutur menggunakan laras-laras bahasa yang sesuai dalam konteks yang tertentu merupakan salah satu daripada punca kesalahan. Kesalahan bahasa kerana gangguan bahasa ibunda dan kekeliruan yang datang daripada kekurangan pengetahuan tentang nahu yang betul. Dalam hal ini, pelajar yang hanya mempelajari bahasa Melayu khususnya dalam bidang sintaksis dengan tidak bersungguh-sungguh atau sekadar memenuhi subjek wajib dalam setiap semester, pelajar tersebut tidak mampu menguasai bahasa dengan sebaiknya.

Oleh itu, kesannya akan berlaku banyak kesalahan dan kekeliruan yang sama jika pelajar tidak memperbaiki pengetahuan bahasa daripada semasa ke semasa. Dalam konteks kajian ini, penguasaan bermaksud kemampuan pelajar memahami, mengetahui, mengenal pasti dan menganalisis

peraturan atau rumus yang mendasari aspek penggunaan kata kerja dalam pembinaan ayat menerusi soalan pelbagai pilihan yang disediakan dalam instrumen kajian ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mengkaji penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar sekolah tingkatan empat. Objektif kursus adalah seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti tahap penguasaan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar.
- ii. Menganalisis penguasaan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar.

SOROTAN LITERATUR

Penguasaan bahasa Melayu perlu untuk meningkatkan ilmu, kemahiran dan kompetensi seseorang murid terutamanya bagi murid Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Kemahiran berbahasa Melayu dengan betul merupakan kemahiran asas berbahasa yang perlu dikuasai oleh murid sekolah di Malaysia khususnya murid-murid dalam kategori sekolah berprestasi tinggi. (SBT).

Pelajar mempunyai asas yang sama dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing, namun kesalahan dari segi tatabahasa tetap berlaku disebabkan oleh sistem bahasa yang berbeza antara bahasa ibunda pelajar dengan bahasa Melayu yang dipelajari. Kesalahan bahasa perlu dilaksanakan dengan menganalisis kesalahan-kesalahan bahasa yang dilakukan, malah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong mereka melakukan kesalahan tersebut. Seterusnya, beberapa strategi pengajaran dan pembelajaran akan dicadangkan khususnya kepada guru-guru sekolah ini untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu.

Kesalahan penggunaan kata kerja akan mewujudkan kekeliruan antara dua kelompok penutur dari aspek budaya dan pemikiran sekaligus menjelaskan prestasi akademik murid (Asmah, 1987). Menurut Wong Sia Ho (2018), perbincangan tentang tatabahasa sering dikaitkan dengan penggunaan bahasa yang tidak betul mengikut rumusnya oleh pelbagai pihak sama ada institusi awam atau swasta, para pelajar pelbagai peringkat pengajian sehingga orang perseorangan. Kesalahan Bahasa yang dilakukan sering dikaitkan dengan jenis-jenis kesalahan, faktor penyebab kesalahan berlaku dan tanggungjawab pelbagai pihak untuk menangani isu tersebut. Dalam kajian ini, pemerolehan bahasa Melayu yang tepat hanya dicapai apabila bahasa tersebut digunakan secara berkesan ketika proses pembelajaran iaitu ketika menjawab kertas peperiksaan Bahasa Melayu (Krashen, 1994). Oleh itu, penguasaan penggunaan bahasa Melayu yang tepat perlu dimantapkan seperti yang digariskan dalam sistem pelajaran Negara (Ramesh, 2015).

Kata Kerja dalam Penguasaan Tatabahasa

Kata kerja boleh didefinisikan sebagai golongan kata yang menunjukkan perbuatan, perlakuan atau keadaan melakukan sesuatu (Nik Safiah Karim *et al.*, 1995). Kata kerja terbahagi kepada dua jenis, iaitu kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Kata kerja transitif ialah perbuatan yang dibuat oleh pelaku terhadap orang atau objek lain dan memerlukan objek atau penyambut selepas kata kerja (Nik Safiah Karim *et al.*, 1995).

Kata kerja transitif juga terbahagi kepada dua, iaitu kata kerja transitif aktif dan kata kerja transitif pasif. Sementara itu, kata kerja tak transitif pula ialah kata kerja yang dilakukan oleh pelaku kepada diri pelaku sendiri dan tidak memerlukan objek atau penyambut. Kata kerja tak transitif juga terbahagi kepada dua jenis, iaitu kata kerja tak transitif tanpa pelengkap dan kata kerja tak transitif dengan pelengkap. Selain itu, kata kerja juga melibatkan penggunaan perkataan hampir sama makna dalam sesuatu struktur ayat. Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu, kata kerja transitif ialah kata kerja yang mengandungi objek yang terdiri daripada frasa nama untuk melengkapkan maksudnya (Nik Safiah Karim *et al.*: 2004).

Subjek	Kata kerja Transitif	Objek
Ibu	memasak	kari ayam
Ahmad	menendang	Bola

1. Kata Kerja Tak Transitif Berpelengkap

Kata kerja tak transitif berpelengkap ialah kata kerja yang mesti diikuti oleh pelengkap untuk menyempurnakan maksud ayat (Nik Safiah Karim *et al.*: 2004).

Subjek	Kata Kerja Tak Transitif Berpelengkap	Pelengkap
Mereka	bermain bola	di padang
Ali	tinggal	di Perak

2. Kata Kerja Tak Transitif Tanpa Pelengkap

Kata Kerja tak transitif tanpa pelengkap ialah kata kerja yang boleh berdiri sendiri tanpa objek atau penyambut. (Nik Safiah Karim *et al.*: 2004)

Subjek	Kata Kerja Tak Transitif Tanpa Pelengkap	Keterangan
Merka	Makan	di Restoran Dadu
Dia	membeli-belah	di Melaka

3. Kata Kerja Transitif

Kata Kerja yang mengambil satu objek di belakangnya. Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu, kata kerja transitif yang menerima penyambut sesudahnya, yang disebut objek (Nik Safiah Karim *et al.*:2004).

Contoh:

1. Emak memasak (kata kerja transitif) kari ikan (objek)
2. Kakak membelikan (kata kerja transitif) Nina kamus.

4. Kata Kerja Tak Transitif

Kata kerja yang tidak mengambil apa-apa objek. Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu, kata kerja tak transitif ialah kata kerja yang tidak memerlukan penyambut atau objek sesudahnya (Nik Safiah Karim *et al.*: 2004 : 90). Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (Nik Safiah Karim *et al.*: 2004 : 140), kata kerja tak transitif dapat dibahagikan kepada dua subgolongan, iaitu :

- i) Kata kerja tak transitif tanpa pelengkap
- ii) Kata kerja tak transitif berpelengkap

Contoh:

1. Murid-murid berbaris (kata kerja tak transitif) di padang sekolah.
2. Pasukan hoki berlatih (kata kerja tak transitif) setiap petang.

5. Kata Kerja Tak Transitif Berpelengkap

- bertujuan melengkapkan maksud ayat.

Contoh:

1. Murid-murid itu tinggal [di asrama sekolah]. – pelengkap

Kata Kerja Tak Transitif tidak diikuti oleh pelengkap dikenali sebagai kata kerja tak transitif tanpa pelengkap.

Contoh:

1. Pegawai penerangan sudah tiba.

Dalam konteks kajian ini, kata kerja adalah melibatkan penggunaan peraturan atau rumus bagi kata kerja transitif sahaja yang dikuasai dan difahami oleh pelajar sekolah menengah. Dawi & Norfadilah (2010), menganalisis kesilapan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar Sarjanamuda Sastera.

Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti jenis kesilapan penggunaan kata kerja yang kerap dilakukan oleh pelajar, menjelaskan tahap penguasaan pelajar terhadap penggunaan kata kerja serta menghuraikan punca berlakunya kesilapan penggunaan bahasa pertama (B1) dalam kalangan pelajar. Sampel kajian terdiri daripada 100 orang pelajar yang mengambil program Bachelor Sastera dalam pelbagai semester yang telah mengambil subjek Tatabahasa Melayu.

Permasalahan yang dibincangkan dalam kajian ini merangkumi kesilapan yang apabila dibiarkan akhirnya diterima sebagai betul, kesilapan dalam kalangan penutur natif sendiri, banyak tumpuan analisis terhadap kesilapan B2 sahaja, kurang penelitian terhadap kesilapan penggunaan kata kerja, serta kekurangan panduan mengatasi kesilapan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik dan soalan latihan berkaitan penggunaan kata kerja. Soalan tersebut diberikan kepada pelajar untuk dijawab dan kemudiannya dianalisis menggunakan teori analisis kesilapan. Data yang diperoleh dimasukkan ke dalam program *Excel* dan keputusan dianalisis mengikut peratusan dan dihuraikan secara deskriptif. Data dianalisis kembali mengikut tafsiran berdasarkan maklumat yang telah diperoleh. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar B1 masih kerap melakukan kesilapan dalam penggunaan kata kerja dan pelajar didapati masih banyak melakukan kesilapan berbanding dapat menguasainya dengan baik. Terdapat beberapa punca telah dikenal pasti yang menyebabkan permasalahan tersebut. Kajian diakhiri dengan beberapa cadangan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Sastera.

Proses pembelajaran bahasa tidak dapat lari daripada melakukan kesilapan atau kesalahan. Hal ini jelas dinyatakan oleh Corder (1981) bahawa semua orang sama ada secara sengaja atau tidak akan melakukan kesalahan bahasa. Walau bagaimanapun, kajian ini berpendapat bahawa pernyataan tersebut tidaklah bermaksud bahawa seseorang pengguna bahasa sememangnya boleh menggunakan bahasa yang tidak mengikut hukum atau rumus yang betul kerana penggunaan bahasa tidak baku sebenarnya dapat dielakkan.

Selain itu, Jaafar & Munirah (2010), membuat tinjauan mengenal pasti tahap penguasaan pelajar terhadap kata kerja bahasa Arab, iaitu kata kerja *mādi*, *muḍāri‘* dan *amr* dalam kalangan pelajar Kelas Aliran Agama (KAA), di samping menghuraikan faktor-faktor kesilapan dalam menguasai kata kerja bahasa Arab. Data kajian berkaitan kesilapan kata kerja diperolehi dari ujian bertulis dan soal selidik pelajar serta guru dari dua buah sekolah KAA di daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Dua buah sekolah tersebut ialah SMK Sungai Acheh (SMKSA) dan SMK Tun Syed Sheh Barakbah (SMKTSSB). Ramai pelajar mendapat gred B, C dan D dan ini menunjukkan tahap penguasaan pelajar terhadap kata kerja bahasa Arab berada di tahap sederhana. Antara faktor yang menyumbang kepada kesilapan pelajar dalam penguasaan kata kerja bahasa Arab adalah faktor kurang minat mata pelajaran bahasa Arab dan tidak faham konsep kata kerja. Dalam kajian ini juga, guru telah membuat beberapa saran dan cadangan bagi mengatasi kesilapan dan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar khususnya dalam menguasai kata kerja bahasa Arab. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bukan sahaja untuk menganalisis kesalahan-kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid tingkatan 4 atau pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa pertama, malah

untuk mengenal pasti penguasaan kata kerja dan kesalahan yang kerap mereka melakukan kesalahan tersebut.

Di samping itu, Khatijah Mohd Khatib (2018), menyatakan bahawa elemen penting dalam pembelajaran bahasa, dan kekurangan penguasaan kosa kata memberi impak kepada keupayaan menguasai empat kemahiran bahasa, iaitu menulis, membaca, bertutur dan mendengar. Pembelajaran kosa kata secara eksplisit merupakan satu cara pembelajaran bahasa berkesan. Kajiannya mendapati pembelajaran kosa kata dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dilaksanakan secara eksplisit. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kemampuan pelajar tingkatan satu mengeja, mengetahui makna dan menggunakan kata nama dan kata kerja bahasa Arab yang telah dipelajari di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Sembilan yang melaksanakan KBD. Kajian kuantitatif ini meneliti aspek-aspek berikut, iaitu penguasaan ejaan yang melibatkan pasangan minimal, kata pinjaman Arab dan aspek mengetahui makna dan penggunaan perkataan turut dikaji. Perkataan yang diuji dipilih berdasarkan kata nama dan kata kerja yang disenaraikan dalam Dokumen Standard Kurikulum (DSK). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan ejaan pada tahap sederhana dengan skor min penguasaan 10.57. Tahap penguasaan mengetahui makna perkataan juga sederhana dengan skor min penguasaan 10.96, manakala, tahap penguasaan kemampuan menggunakan perkataan dalam struktur ayat adalah baik, iaitu 11.99. Berdasarkan dapatan kajian, pihak pelaksana boleh mengambil kira aspek kosa kata yang dikaji dalam merencana proses penambahbaikan terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Selain itu, kajian Zaliza Mohd Nasir (2017) dijalankan bertujuan menganalisis kesalahan tatabahasa dalam kalangan pelajar yang mempelajari kursus Bahasa Malaysia. Kajian dijalankan dengan menggunakan penulisan karangan pelajar sebagai data kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti kesalahan tatabahasa yang mereka lakukan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar banyak melakukan kesalahan tatabahasa terutamanya dari aspek sintaksis, semantik dan morfologi seperti kesalahan penggunaan aspek kata, penggunaan kata sendi dan kata ganti nama diri. Hasil kajian juga mendapati bahawa antara sebab-sebab berlakunya kesalahan ini adalah disebabkan oleh faktor kekurangan pengetahuan tentang sistem bahasa Melayu dan kekeliruan tentang makna perkataan. Penguasaan dan pengetahuan pelajar tentang konsep bahasa juga menjadi penyumbang kepada ketidakmampuan mereka untuk mengenal pasti dan memahami struktur tatabahasa dengan tepat menyebabkan mereka cenderung melakukan kesalahan dalam penulisan mereka.

Kajian Sivaneswary (2019) memfokuskan penguasaan golongan kata dalam kalangan murid SJK (T). Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis penguasaan kemahiran tatabahasa khususnya golongan kata BM dalam kalangan murid SJK (T). Skop kajian merangkumi penguasaan golongan kata BM Tahap I. Objektif kajian ini ditentukan melalui satu ujian yang merangkumi 30 soalan tatabahasa berdasarkan kemahiran yang disenaraikan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi Tahap 1. Model Pengajaran Berkesan oleh Slavin (1994) digunakan sebagai landasan kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, pemerhatian, temu bual dan tinjauan lapangan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian penilaian kemahiran tatabahasa. Pengkaji telah memilih 15 golongan kata dalam membina soalan tatabahasa Tahap I untuk diuji dalam kalangan 50 orang murid Tahap II, iaitu darjah lima. Data dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Data menunjukkan bahawa kemahiran sistem tatabahasa tahap satu kurang dikuasai oleh murid tahap dua. Hal ini terbukti apabila murid darjah lima tidak dapat menguasai kemahiran tatabahasa khususnya golongan kata BM

ANALISIS KESILAPAN

Analisis kesilapan merupakan penilaian terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar sama ada dalam medium pertuturan mahupun penulisan (Corder, 1967). Dengan melakukan analisis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar bahasa secara sistematik membolehkan pengenalpastian terhadap kawasan yang memerlukan lebih pengukuhan dalam pengajaran (Corder, 1967).

Seseorang pengajar mahupun pengkaji bahasa mengenal pasti perbezaan antara kesilapan dengan kesalahan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa pelajar asing. Berdasarkan Richards. et. al. (1992), kesilapan dilakukan oleh pelajar bahasa semasa menulis atau bertutur disebabkan kurang penumpuan, keletihan, kecuaian atau kerana aspek-aspek kelakuan lain. Kesalahan

pula ialah apa-apa jua penggunaan bentuk bahasa yang dianggap salah oleh penutur jati atau penutur yang fasih dalam sesuatu bahasa disebabkan pembelajaran yang salah atau belum sempurna. Untuk membezakan antara kesilapan dengan kesalahan, Ellis (1997) mencadangkan dua cara. Cara pertama adalah dengan memeriksa prestasi pelajar secara berterusan. Jika pelajar kadang-kadang menggunakan bentuk bahasa yang salah dan kadang-kadang menggunakan bentuk bahasa yang betul, dia sebenarnya melakukan kesilapan. Walau bagaimanapun, jika pelajar sering menggunakan bentuk bahasa yang salah, dia sebenarnya melakukan kesalahan. Cara kedua adalah dengan meminta pelajar membetulkan kesalahan bahasanya sendiri. Jika dia berjaya membetulkan kesalahan tersebut, dia sebenarnya melakukan kesilapan. Sebaliknya jika gagal, dia sebenarnya melakukan kesalahan. Dalam konteks kajian ini, analisis kesalahan adalah melibatkan analisis kesalahan penggunaan peraturan kata kerja dalam bahasa Melayu oleh pelajar-pelajar Tingkatan Empat di sekolah berasrama penuh. Corder (1974) mengenal pasti satu model untuk analisis kesalahan yang merangkumi lima langkah, iaitu: 1) pengumpulan sampel bahasa pelajar, 2) pengenalphastian kesalahan, 3) keterangan kesalahan, 4) penjelasan terhadap kesalahan, dan 5) penilaian kesalahan.

Ellis (1994) dalam kajiannya yang memberikan penerangan lanjut kepada model analisis kesalahan oleh Corder (1974), menyatakan bahawa langkah pertama dalam menganalisis kesalahan pelajar adalah dengan mengenal pasti kesalahan-kesalahan berkenaan. Kemudian memerihalkan dan mengelaskan kesalahan ke dalam kategori-kategori tertentu apabila kesemuanya telah dikenal pasti. Perkara yang paling penting sekali ialah peringkat pengenalphastian dan keterangan kesalahan dan peringkat ini cuba untuk menghuraikan mengapa kesalahan berkenaan berlaku (Ellis, 1994).

Sementara itu, James (1998) dan Bell (1981) mencadangkan empat langkah dalam menganalisis kesalahan. Langkah-langkah tersebut terdiri daripada 1) pengenalphastian, 2) keterangan, 3) huraian, dan 4) penilaian. Tambahan lagi, Gass dan Selinker (1994) pula mengenal pasti enam langkah dalam menjalankan sesuatu analisis kesalahan, iaitu pengumpulan data, mengenal pasti kesalahan, pengelasan kesalahan, penghitungan kesalahan, menganalisis sumber kesalahan dan membetulkan kesalahan.

Sridhar (1980) pula mengemukakan langkah-langkah berikut dalam menjalankan sesuatu analisis kesalahan:

- 1) Pengumpulan data (sama ada daripada karangan bebas oleh pelajar tentang sesuatu tema yang diberikan atau daripada jawapan peperiksaan);
- 2) Pengenalphastian kesalahan (pelabelan dengan pelbagai darjah ketepatan bergantung kepada sofistikasi linguistik yang diketengahkan dalam tugas / ujian yang diberikan, dari segi sifat sebenar penyimpangan yang berlaku);
- 3) Pengelasan kepada jenis kesalahan;
- 4) Kenyataan kekerapan relatif jenis kesalahan;
- 5) Pengenalphastian aspek kesukaran dalam bahasa sasaran
- 6) Terapi (latih tubi, pelajaran dan sebagainya).

Selain itu, pertimbangan teori dan praktikal dengan analisis kesalahan oleh Sharma (1981) mengandungi enam langkah, iaitu: 1) kerangka teori (definisi tepat berkaitan kesalahan), 2) mereka dan membina satu ujian diagnostik, 3) pemilihan peserta untuk ujian diagnostik, 4) pengesahan, pengelasan dan penjadualan kesalahan, 5) penerangan terhadap kesalahan, dan 6) menjelak kesalahan kepada sumbernya.

Analisis kesalahan dijalankan berdasarkan model langkah analisis kesalahan yang dikemukakan oleh Sharma (1981) seperti dalam Rajah 3.1. Langkah-langkah dimulakan dengan mendapatkan definisi yang tepat berkaitan kesalahan dalam konteks kajian ini bagi menetapkan skop analisis yang akan dilakukan, diikuti dengan mereka dan membina satu ujian diagnostik yang digunakan sebagai instrumen kajian bagi mengesan dan mengenal pasti kesalahan penggunaan kata kerja.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Gabungan kaedah kajian dengan mengintegrasikan pendekatan kaedah kajian kualitatif untuk menghasilkan dapatan kajian dengan lebih mendalam dan komprehensif. Pengkaji mengumpul data kajian dengan borang ujian tatabahasa yang diedarkan secara rawak mudah sampel yang diambil. Analisis data kajian deskriptif melalui nilai skor mod, skor median, frekuensi dan peratusan. Responden seramai 100 orang pelajar Tingkatan Empat sekolah menengah sekolah berasrama penuh. Creswell (2012) juga menerangkan bahawa data kuantitatif seperti skor terhadap instrumen, menghasilkan angka-angka tertentu yang dapat dianalisis secara statistik, boleh menghasilkan keputusan untuk mendapatkan jumlah kekerapan yang digunakan untuk menganalisis data kajian. Dalam konteks kajian ini, data kuantitatif digunakan untuk menerangkan tahap penguasaan pelajar Tingkatan 4 terhadap penggunaan kata kerja dengan memberi skor ke atas jawapan yang mereka berikan dalam soalan tatabahasa berbentuk pelbagai pilihan.

Seterusnya, ujian diagnostik diberikan kepada peserta kajian yang telah dipilih. Pengkaji kemudiannya akan mengesan, mengelaskan dan menjadualkan jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar, iaitu penggunaan peraturan dan rumus kata kerja dalam konteks kajian ini. Setiap jenis kesalahan tersebut diterangkan dan diuraikan mengenai sifatnya dan bentuk kesalahan yang dilakukan.

DAPATAN KAJIAN

Tahap penguasaan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar diukur dengan nilai tahap yang boleh digunakan sebagai rujukan formula untuk mendapatkan satu indeks mengukur data dapatan kajian. Analisis kajian mendapati tahap penguasaan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar adalah seperti berikut:

- 1) Peratus jawapan betul melebihi 70% menunjukkan tahap penguasaan tinggi;
- 2) Peratus jawapan betul antara 50% hingga 69% menunjukkan tahap penguasaan sederhana;
- 3) Peratus jawapan betul bawah 49% menunjukkan tahap penguasaan yang rendah dan lemah.

Peratus	Tahap
70% ke atas	Tinggi
50% hingga 69%	Sederhana
49% ke bawah	Rendah


Jadual 4.1 dan graf bar berikut merupakan pengukuran penguasaan penggunaan kata kerja bagi bahagian A, iaitu menguji penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar tingkatan 4 sekolah menengah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ujian tatabahasa dengan jumlah 32 soalan ujian tatabahasa kata kerja. Dapatan ini menunjukkan nilai markah, iaitu sebanyak 28 markah adalah seramai 22 orang pelajar (87.75%), nilai 29 markah pula adalah seramai 17 orang pelajar (90.62%) dan 30 markah adalah seramai 15 orang pelajar (93.75%). Dapatan ini menunjukkan berada pada tahap tinggi penguasaan penggunaan kata kerja. Pada nilai sebanyak 22 markah, terdapat seramai 4 orang pelajar (68.75%) dan nilai markah sebanyak 21, 22 dan 18 markah menunjukkan seramai 1 orang pelajar dengan nilai (56.25%) berada pada tahap sederhana.


Tahap Penguasaan Penggunaan Kata Kerja dalam kalangan Pelajar di Tingkatan Empat Sekolah Berasrama Penuh

Jadual 4.1 : Tahap penguasaan penggunaan kata kerja

Markah (n/32)	Kekerapan (n)	Jumlah Keseluruhan Markah (100%)	Tahap
18	1 (3.13%)	56.25%	Sederhana
20	1 (3.13%)	56.25%	Sederhana
21	1 (3.13%)	56.25%	Sederhana
22	4 (12.5%)	68.75%	Sederhana
23	3 (9.37%)	71.9%	Tinggi
24	4 (12.5%)	75%	Tinggi
25	7 (21.9%)	78.12%	Tinggi
26	4 (12.5%)	81.25%	Tinggi
27	7 (21.9%)	84.0%	Tinggi
28	22 (68.8%)	87.75%	Tinggi
29	17 (53.1%)	90.62%	Tinggi
30	15 (52.1%)	93.75%	Tinggi
31	9 (28.1%)	96.9%	Tinggi
32	2 (6.25%)	100.0%	Tinggi

Taburan Tahap Penguasaan Penggunaan Kata Kerja





Graf 1: Graf Taburan Kekerapan Penguasaan Penggunaan Kata Kerja Pelajar

Dapatan kajian ini juga menganalisis berdasarkan kepada penglibatan setiap responden kajian yang menjawab borang ujian tatabahasa. Dalam kajian ini, didapati seramai 100 responden mengisi borang penguasaan kata kerja dengan merekodkan pencapaian seperti Jadual 4.2. Berdasarkan Jadual 4.2, menunjukkan bahawa keseluruhan dapatan kajian berdasarkan 100 orang responden. (R) adalah mewakili responden kajian. Dapatan kajian ini mendapat bahawa terdapat tahap tinggi, rendah dan sederhana. Soalan kajian pula yang telah dijawab adalah sebanyak 32 soalan. Pelajar menjawab kesemua soalan dan telah dikira permarkahannya berdasarkan berapa bilangan pelajar yang betul dan salah. Pengkaji mendapat bahawa pelajar dapat menguasai dengan baik kata kerja dan berada pada tahap yang tinggi.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa daripada 100 responden kajian didapati 92 pelajar bersamaan 92% mencapai tahap tinggi dan 8 pelajar pada tahap sederhana, iaitu 16 markah hingga 22 markah. Secara jelasnya, dapat ditunjukkan bahawa responden nombor, ke-11, ke-12, ke-40, ke-59, ke-85, ke-92, ke-95 dan ke-99 yang berada pada sederhana dengan jumlah markah 17, 21, dan 22 markah.

Seterusnya, tiga pelajar yang bernombor ke-10, ke-29 dan ke-46 daripada 92 orang responden yang mencatatkan tahap tinggi dengan markah penuh, iaitu 32/32. Diikuti, seramai 24 orang pelajar yang mendapat tahap tinggi dengan 30-31 markah. Daripada jumlah tersebut, 68 orang responden mencatat 23 hingga 29 markah. Dalam pencapaian tahap penguasaan ini, tidak ada responden yang berada pada tahap lemah.

Jadual 4.2: Tahap penguasaan penggunaan kata kerja

R	Ujian Tatabahasa: Penggunaan Kata Kerja				Tahap penguasaan
	I (10 soalan)	II (10 soalan)	III (7 soalan)	IV (5 soalan)	
1	8/10	9/10	6/7	4/5	27/32 (tinggi)
2	10/10	9/10	6/7	4/5	29/32 (tinggi)
3	9/10	10/10	6/7	5/5	30/32(tinggi)
4	10/10	9/10	6/7	5/5	30/32 (tinggi)
5	10/10	8/10	7/7	5/5	30/32 (tinggi)
6	7/10	9/10	7/7	5/5	28/32 (tinggi)
7	8/10	9/10	7/7	3/5	27/32 (tinggi)
8	7/10	7/10	6/7	5/5	25/32 (tinggi)

Tahap Penguasaan Penggunaan Kata Kerja dalam kalangan Pelajar di Tingkatan Empat Sekolah Berasrama Penuh

9	9/10	9/10	7/7	5/5	30/32 (tinggi)
10	10/10	10/10	7/7	5/5	32/32 (tinggi)
11	3/10	9/10	5/7	4/5	21/32 (sederhana)
12	3/10	9/10	5/7	4/5	21/32 (sederhana)
13	9/10	8/10	6/7	5/5	28/32 (tinggi)
14	8/10	9/10	6/7	5/5	28/32 (tinggi)
15	10/10	10/10	6/7	5/5	31 /32(tinggi)
16	10/10	8/10	6/7	5/5	29/32 (tinggi)
17	9/10	10/10	5/7	5/5	29/32 (tinggi)
18	9/10	9/10	5/7	5/5	28/32 (tinggi)
19	8/10	6/10	6/7	4/5	24/32 (tinggi)
20	9/10	9/10	5/7	4/5	27/32 (tinggi)
21	8/10	8/10	6/7	5/5	27/32 (tinggi)
22	8/10	10/10	3/7	2/5	23/32 (tinggi)
23	10/10	10/10	7/7	4/5	31/32 (tinggi)
24	10/10	10/10	6/7	5/5	31/32 (tinggi)
25	8/10	9/10	7/7	4/5	28/32 (tinggi)
26	10/10	10/10	6/7	5/5	31/32 (tinggi)
27	10/10	9/10	6/7	4/5	29/32 (tinggi)
28	10/10	10/10	6/7	5/5	31/32 (tinggi)
29	10/10	10/10	7/7	5/5	32/32 (tinggi)
30	6/10	7/10	7/7	3/5	23/32(tinggi)
31	9/10	9/10	6/7	4/5	28/32 (tinggi)
32	10/10	9/10	6/7	4/5	29/32 (tinggi)
33	10/10	10/10	6/7	5/5	31/32 (tinggi)
34	10/10	10/10	7/7	4/5	31/32(tinggi)
35	8/10	9/10	6/7	4/5	27/32 (tinggi)
36	8/10	9/10	7/7	4/5	28/32(tinggi)
37	8/10	10/10	7/7	5/5	30/32 (tinggi)
38	8/10	10/10	6/7	5/5	29/32 (tinggi)
39	10/10	9/10	6/7	5/5	30/32(tinggi)
40	6/10	9/10	5/7	1/5	21/32 (sederhana)
41	10/10	9/10	7/7	5/5	31/32 (tinggi)
42	8/10	10/10	7/7	5/5	30/32 (tinggi)
43	7/10	9/10	5/7	3/5	24/32 (tinggi)
44	9/10	9/10	6/7	5/5	29/32 (tinggi)
45	4/10	10/10	6/7	4/5	24/32 (tinggi)
46	10/10	10/10	7/7	5/5	32/32 (tinggi)
47	9/10	10/10	7/7	5/5	30/32 (tinggi)
48	5/10	9/10	6/7	5/5	25/32 (tinggi)
49	8/10	10/10	7/7	4/5	29/32 (tinggi)
50	8/10	9/10	7/7	4/5	28/32 (tinggi)
51	10/10	10/10	6/7	5/5	31/32 (tinggi)
52	8/10	8/10	6/7	5/5	27/32 (tinggi)
53	8/10	8/10	4/7	2/5	22/32 (tinggi)
54	7/10	8/10	6/7	3/5	24/32 (tinggi)
55	9/10	10/10	5/7	5/5	29/32 (tinggi)
56	10/10	10/10	6/7	3/5	29/32 (tinggi)
57	10/10	8/10	7/7	5/5	30/32 (tinggi)
58	10/10	8/10	5/7	5/5	28/32 (tinggi)
59	4/10	9/10	4/7	4/5	21/32 (sederhana)
60	7/10	10/10	6/7	5/5	28/32 (tinggi)
61	8/10	9/10	6/7	5/5	28/32 (tinggi)
62	9/10	9/10	5/7	4/5	27/32 (tinggi)
63	10/10	10/10	7/7	3/5	30/32 (tinggi)

64	9/10	10/10	6/7	5/5	30/32 (tinggi)
65	7/10	9/10	6/7	3/5	25/32 (tinggi)
66	8/10	10/10	7//7	5/5	30/32 (tinggi)
67	9/10	10/10	6/7	4./5	29/32 (tinggi)
68	8/10	9/10	6/7	2/5	25/32 (tinggi)
69	10/10	10/10	5/7	3/5	28/32 (tinggi)
70	10/10	10/10	4/7	0/5	24/32 (tinggi)
71	10/10	9/10	4/7	5/5	28/32 (tinggi)
72	10/10	9/10	6/7	4/5	29/32 (tinggi)
73	8/10	10/10	5/7	0/5	23/32 (tinggi)
74	10/10	8/10	7/7	5/5	30/32 (tinggi)
75	7/10	9/10	4/7	4/5	24/32 (tinggi)
76	9/10	10/10	6/7	4/5	29/32 (tinggi)
77	10/10	10/10	5/7	3/5	28/32 (tinggi)
78	9/10	9/10	6/7	4/5	28/32 (tinggi)
79	10/10	10/10	6/7	1/5	27/32 (tinggi)
80	10/10	10/10	7/7	1/5	28/32 (tinggi)
81	9/10	8/10	7/7	4/5	28/32 (tinggi)
82	10/10	8/10	6/7	4/5	28/32 (tinggi)
83	10/10	10/10	6/7	4/5	30/32 (tinggi)
84	10/10	9/10	5/7	3/5	27/32 (tinggi)
85	3/10	7/10	4/7	3/5	17/32 (sederhana)
86	8/10	9/10	6/7	3/5	26/32 (tinggi)
87	7/10	7/10	6/7	5/5	25/32 (tinggi)
88	10/10	9/10	5/7	5/5	29/32 (tinggi)
89	9/10	10/10	5/7	3//5	27/32 (tinggi)
90	10/10	9/10	6/7	5/5	30/32 (tinggi)
91	10/10	8/10	6/7	4/5	28/32 (tinggi)
92	9/10	10/10	3/7	0/5	22/32 (sederhana)
93	9/10	9/10	6/7	4/5	28/32 (tinggi)
94	9/10	8/10	7/7	3/5	27/32 (tinggi)
95	6/10	7/10	6/7	3/5	22/32(sederhana)
96	8/10	10/10	4/7	3/5	25/32(tinggi)
97	7/10	10/10	5/7	4/5	26/32 (tinggi)
98	9/10	9/10	7/7	4/5	29/32(tinggi)
99	6/10	9/10	4/7	3/5	22/32 (sederhana)
100	9/10	9/10	9/7	4/5	29/32 (tinggi)

PERBINCANGAN

Dengan analisis dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat tahap penguasaan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar, jenis-jenis kesilapan penggunaan kata kerja yang kerap dilakukan dan merumuskan teori yang dapat mengatasi masalah penggunaan kata kerja. Dapatan kajian yang telah dianalisis menunjukkan bahawa tahap penguasaan adalah pada tahap yang tinggi. Hal ini disokong oleh dapatan kajian lepas. menerusi kajian oleh Fazal Mohamed Sultan, Junaini Kasdan, Zaharani Ahmad dan Nor Hashimah Jamaluddin (2010). Dapatan kajian mereka menunjukkan kekerapan kesalahan pelajar telah menjangkau melebihi 8,000 kali. Walaupun kekerapan pelajar ini agak besar namun, kajian ini menjelaskan dan menganalisis kekerapan kesilapan yang paling besar, iaitu kesilapan menggunakan makna kata yang melibatkan perkataan. Hal ini bermakna FKtr tidak boleh berdiri sendiri dan memerlukan objek, iaitu yang terdiri daripada KN sebagai pelengkap ayat. Analisis dapatan menunjukkan bahawa tahap penguasaan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar adalah berada pada tahap tinggi. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa pelajar mempunyai pengetahuan dengan memberikan jawapan tentang kata kerja.

KESIMPULAN

Penguasaan dan pengetahuan pelajar tentang konsep kompetensi bahasa juga menjadi penyumbang kepada ketidakmampuan mereka untuk mengenalpasti dan memahami struktur tatabahasa bahasa dengan tepat menyebabkan mereka cenderung melakukan kesalahan. Seterusnya pelajar sendiri harus ada kesedaran untuk memperbaiki penguasaan bahasa Melayu mereka melalui pembacaan. Mereka digalakkan untuk membaca bahan bacaan yang berbentuk ilmiah bagi menambah kosa kata serta perbendaharaan dalam bahasa Melayu. Unsur tatabahasa juga seringkali memainkan peranan sebagai penentu hubungan dan perkaitan antara idea yang terkandung dalam wacana. Dari aspek bahasa walaupun bahasa Melayu.

Menurut Ainon dan Abdullah Hassan (2008), perbezaan bahasa menyebabkan kita perlu melakukan pelbagai penyesuaian semula. Semakin banyak perbezaan antara tatabahasa sumber dan tatabahasa sasaran, maka semakin banyak perubahan yang perlu dilakukan. Kamarul Azmi Jasni *et al.* (2017) menyatakan bahawa kecemerlangan seseorang pelajar adalah tertakluk kepada proses pengajaran dan pembelajaran guru yang berkesan, di samping itu juga ianya adalah bergantung kepada tanggungjawab guru itu sendiri membimbing pelajar. Walaupun guru-guru telah didedahkan dengan pelbagai kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran namun sekiranya tidak dipraktikkan, maka tidak akan dapat hasil yang baik dan pelajar juga akan mendapat impak dalam pembelajaran.

Dalam kajian ini membantu pengkaji meneliti penguasaan kata kerja dan pembelajaran pelajar terhadap tatabahasa. Hal ini demikian kerana, dengan dapatan kajian oleh temu bual guru menunjukkan bahawa guru amat menitik beratkan tentang tatabahasa pelajar agar pelajar dapat menguasai bahasa dengan baik. Hal ini demikian kerana, pembelajaran yang berkesan dan berkualiti dapat meningkatkan mutu pembelajaran, dan galakkan motivasi kepada guru dan pelajar untuk membuat persiapan awal dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru juga dapat membuat persediaan awal dalam menyediakan bahan bantu mengajar dan pengurusan pelajar serta menggalakkan beberapa bentuk pembelajaran yang lebih berkesan dalam tatabahasa.

RUJUKAN

- Abdul.H.N, Sulaiman.F & Badusah.J (2010). Kajian Kelemahan Tatabahasa Pelajar Cina dalam Kalangan Ahmad.Z (2007). Kekeliruan dalam penggunaan bahasa Melayu: Percanggahan antara rumus tatabahasa dengan korpus bahasa. *Jurnal Persatuan Linguistik*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Ahmad.Z (2008). Data korpus dan nahu praktis. Dlm. Zaharani Ahmad (pnyt.). Aspek nahu praktis bahasa Melayu, hlm. 15-20. Bangi: UKM.
- Aminuddin.Z.N *et.al* (2019). Teknik interaksi lisan dalam pengajaran kursus Bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru (IPG), PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature Jilid 11 No.2, 2020 / ISSN 1823-6812 (18-32).
- Aringingsih.N. E etll (2012). Analisis Kesalahan Berbahasa Indonesia dalam Karangan Eksposisi Siswa Sekolah Menengah Atas. JPBS FKIP Universitas Sebelas Maret. BASASTRA Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra Indonesia dan Pengajarannya. 1(1): April 2012.
- Baharum.H, Salleh.M, Nor M. (2017). *Kesilapan Penggunaan Kata Kerja Dalam Kalangan Pelajar Melayu Ketika Menstruktur Ayat Dalam Penulisan Bahasa Sepanyol*. EDUCATUM – Journal Of Social Science, 3 (1). Pp. 1-9. ISSN 2289-9391.
- Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. (2007). *Designing Andconductingmixedmethods Research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Creswell, J.W. (2007). *Qualitative Inquiry And Research Design: Choosing Among Five Approaches*. (Edisi Ke-2.). Thousand Oaks, CA: Sage
- Creswell, J.W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting And Evaluating Quantitative And Qualitative Research* (Edisi Ke-4). Boston, MA: Pearson Education.
- Creswell, J.W. (2013). *Research Design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Approaches* (Edisi Ke-4). Nebraska, USA: Sage Publication.
- Hassan.A & Ainon (2008). Teori dan Teknik Terjemahan. Edisi Khas. PTS Publications & Distributions Sdn. Bhd. & ITNMB Kuala Lumpur.
- Karim.N.S,Onn M.Farid,Musa.H.H & Mahmood.H.A (1996). Tatabahasa Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim.N.S,Onn M.Farid,Musa.H.H & Mahmood.H.A (2001).Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, Ampang, Hulu Kelang, Selangor. Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Karim.S.N (1981). Pencemaran Bahasa Malaysia Dan Kesannya Terhadap Pembelajaran Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Nasir.M.Z (2017). Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Penulisan Karangan Pelajar, LSP International Journal, Vol. 4, Issue 1, 2017, 23–35 © Universiti Teknologi Malaysia E-ISSN 2289–3199 / ISSN 0128–732X
- Omar. A (2005). Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Azman Che Mat dan Goh, Y. S. 2010. Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin d
- Pusat Pendidikan Luar (2011), KRB 3033 Pengantar Bahasa Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim, Perak.
- Sariyan.A (1986). Kunci Bahasa Malaysia.Petaling Jaya, Sasbadi Sdn. Bhd.
- Shia Ho, W., & Swee King, Y. (2018). Percanggahan Pendapat Aspek Tatabahasa: Perbandingan Antara Bahan Rujukan Bahasa Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 16 - 31. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol9.2.2018>
- Shia Ho.W (2015). Tinjauan tentang penggunaan bahasa Melayu dalam buku teks geografi tingkatan satu Jurnal Penyelidikan, Jilid 12, 1-19. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Yong, C.C. & Vijayaletchumy Subramaniam (2012). Analisis kesilapan dalam pembelajaran bahasa Melayu oleh pelajar asing. GEMA Online™ Journal of Language Studies 12(2), 667-692. 3 Januari 2018,daripada http://journalarticle.ukm.my/4937/1/pp%2520667_692.pdf